

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, 25 April, 2019 9:22 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Ceramah Dedah Pelajar Peluang Kerjaya Di Era Teknologi, Revolusi Industri 4.0



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

25 APRIL 2019 / 19 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan Gambar: Oleh Unit Praktikum PPA COB.

CERAMAH DEDAH PELAJAR PELUANG KERJAYA DI ERA TEKNOLOGI, REVOLUSI INDUSTRI 4.0



UUM ONLINE: Bagi mendedahkan para pelajar mengenai peluang kerjaya dalam bidang masing-masing terutama melibatkan dunia global, teknologi moden dan cabaran Revolusi Industri 4.0, Unit Praktikum Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni Kolej Perniagaan (PPA COB) dengan kerjasama Pusat Alumni UUM telah menganjurkan ceramah kerjaya di Dewan Seminar C, Pusat Konvensyen baru-baru ini.

Ceramah bertujuan memberi pendedahan awal kepada pelajar tentang peluang kerjaya yang boleh diceburi setelah mereka menamatkan pengajian selain dijelaskan tentang isu-isu semasa dan cabaran yang berlaku pada masa kini.

Di samping itu, para pelajar juga diberikan kesedaran untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, pembentukan tingkahlaku dan membina pelbagai kemahiran yang diperlukan oleh pihak industri sepanjang pengajian mereka.

Ceramah yang berlangsung hampir tiga jam itu dikendalikan oleh Pengarah ICARE Wealth Group (IWG) dan Pengarah Agensi di Etiqa Family Takaful Berhad Kuala Lumpur, Mohd Jalaluddin Mohd Isa yang berpengalaman luas dalam bidang keusahawanan dan perniagaan korporat.

Menurut beliau, pelajar perlu membuat sedikit kajian berkenaan dengan bidang dan minat masing-masing sebelum menempuh alam kerja.

"Hal ini kerana disebabkan kesan teknologi moden, banyak syarikat telah mengambil langkah untuk mengurangkan pekerja dan masyarakat pada masa kini lebih banyak berurusan dengan menggunakan internet jalur lebar.

"Saya melihat kesan teknologi yang semakin pesat pada masa sekarang ini, membuatkan banyak syarikat mengambil langkah mengurangkan pekerja dan meningkatkan prestasi dan kemampuan jalur lebar mereka ke tahap yang lebih baik," ujarnya di hadapan 110 pelajar dari pelbagai program di bawah Kolej Perniagaan.

Sementara itu Penyelaras Praktikum, Kapten Dr. Mohd Adib Abd Muin berkata, program itu bukan sahaja dapat memberikan gambaran dan suasana sebenar kerjaya kepada para pelajar bahkan mereka berpeluang untuk memantapkan diri dari segi sikap, kemahiran dan pengetahuan bagi menghadapi persekitaran Revolusi Industri 4.0 yang semakin mencabar.

Pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat (BMA), Mohd Arif Ilmie Amirudin pula berkata, menerusi program ini beliau dapat peluang untuk meningkatkan jaringan industri dan mengetahui sedikit sebanyak maklumat kerjaya yang harus difokus selepas bergraduasi nanti dan berharap program ilmiah seperti itu diteruskan lagi pada masa hadapan.

Turut hadir Penyelaras Praktikum PPA COB, Dr. Ruhaida Saidon; Wakil Pengarah Pusat Alumni, Muhammad Hafizal Faiz Suhaime serta staf PPA COB.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.